

1. PENDAHULUAN

- i. Terma dan syarat yang dinyatakan di sini ("T&S") akan mengawal selia Kaotim x Lim Tayar ("Promosi") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Syarikat 201701032316 (1246486-D)] ("Takaful Malaysia") dengan kerjasama C.K.L. Group (M) Sdn. Bhd. [No. Syarikat 199101000014 (210324-M)] ("Lim Tayar").

2. TEMPOH PROMOSI

- i. Promosi ini bermula pada tarikh 9 Februari 2026 jam 12:00 tengah malam Waktu Malaysia ("MYT") dan berakhir pada 30 April 2026 jam 11:59 malam MYT ("Tempoh Promosi").
- ii. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan kelayakannya dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Promosi (seperti yang ditakrifkan di bawah).

3. KELAYAKAN

- i. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan Lim Tayar yang mempunyai sijil Kaotim Car yang sah sepanjang tempoh promosi ("Pelanggan").

4. MEKANISME PROMOSI

- i. Pelanggan perlu membuat pembelian minimum sebanyak RM500 dalam satu resit di cawangan Lim Tayar dan akan menerima rebat segera RM50 ("Rebat") daripada jumlah resit setelah menunjukkan sijil Kaotim Car yang sah.
- ii. Hanya terpakai kepada 1,000 Pelanggan pertama setiap bulan, bermula dari Februari, Mac, dan April 2026.
- iii. Pelanggan Kaotim Car yang mempunyai sijil sah perlu menunjukkan sijil Kaotim yang sah (secara fizikal atau digital) kepada kakitangan Lim Tayar sebelum membuat pembayaran di mana-mana 23 cawangan Lim Tayar untuk pengesahan. Berikut adalah senarai cawangan Lim Tayar:

Nama Cawangan	Alamat
TTDI	Lot 23534 & 41313, Pinggir Zaaba, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur
Bangsar	No 7 Jalan Tandok, Off Jalan Maarof, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur
Sri Hartamas	No 34, Jalan Sri Hartamas 8, Tmn Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur
Ampang Jaya	Lot 45, Jalan Ulu Kelang, Ukay Heights 1, 68000 Ampang, Selangor
Taman Melawati	No 271, Jalan Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur
Dataran Wangsa	No 2, Lrg Dataran Wangsa, Dataran Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur
Hulu Kelang	Lot 353-A, Batu 7, Jalan Ulu Kelang, Hulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor
Pandan Indah	No 2 G & M, Jalan Pandan Indah 1/23C, Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur
Kota Damansara	No 2-G, Jln PJU 5/20D, The Strand, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor
Taman SEA	No 60, Jalan SS23/11, Taman SEA, 47400 Petaling Jaya, Selangor
Subang Jaya	Lot PT 2092, Jalan Tujuan, Subang Jaya 47500 Selangor
Shah Alam Seksyen 13	No 43, Ground Floor, Jalan Snuker 13/28, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor
Shah Alam Seksyen 26	Lot PT 14343, Persiaran Tengku Ampuan, 40300 Shah Alam, Selangor
Seremban 2	No 124, Jalan S2 B20, Pusat Dagangan Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
Sentul	No 2, Lorong Sentul Kecil, Off Jalan Sentul, 51100 Kuala Lumpur
Jalan Gombak	No 140, Taman Seri Setapak, Batu 3 1/2, Jalan Gombak 53000 Kuala Lumpur
Old Klang Road	No 99, Ground Floor, Batu 3, Jalan Klang Lama, 58000 Kuala Lumpur
Kepong	No 47, Ground Floor, Jalan 3/33A, Batu 7, Off Jalan Kepong, 52100 Kuala Lumpur
Selayang Baru	No 21, Ground Floor, Jalan 2/10, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor
Bandar Baru Bangi	No 2, Jalan 6C/2, Bandar Baru Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Bandar Sri Damansara	Lot 1858, Persiaran Perdana SD7, 52200 Bandar Sri Damansara, Selangor

PJ 222	No 4, Jalan 222, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor
Jalan Ampang Batu 4	No. 361, Batu 4 Jalan Ampang, 55000 Kuala Lumpur

- iv. Semua harga tertakluk kepada caj perkhidmatan (SST) dan cukai kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- v. Rebat tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau digunakan bersama promosi dan penebusan, diskaun, kupon tawaran, baucar, program kesetiaan, atau kad keistimewaan ahli yang sedang berlangsung.
- vi. Tuntutan palsu atau penyalahgunaan boleh mengakibatkan pembatalan kelayakan.
- vii. Lim Tayar dan Takaful Malaysia berhak untuk meminda atau menamatkan promosi pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
- viii. Setiap Pelanggan hanya berhak menggunakan satu (1) Rebat segera sepanjang Tempoh Promosi.
- ix. Satu (1) baucar diskaun rebat segera hanya sah untuk satu resit sahaja. Setiap resit hanya untuk satu kereta.
- x. Takaful Malaysia tidak diwajibkan untuk melayan sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan Rebat selepas diterima, dan Takaful Malaysia tidak bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut atau terhadap pertikaian itu sendiri.

5. TERMA & SYARAT AM

- i. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
 - a. bersetuju untuk terikat dengan T&S;
 - b. bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Promosi ini berdasarkan tarikh dan masa Malaysia adalah tepat dan muktamad;
 - c. bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - d. bersetuju membenarkan data peribadi didedahkan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan/pembekal yang diberi kuasa termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Promosi ini dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Promosi ini termasuk pengkreditan Rebat.
 - e. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Promosi ini tanpa sebarang pampasan;
 - f. tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Promosi ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan atau penangguhan Promosi ini.

6. NOTIS PRIVASI TAKAFUL MALAYSIA

- i. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Takaful Malaysia yang boleh dilihat di www.takaful-malaysia.com.my ("[Notis Privasi Takaful Malaysia](#)").
- ii. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia, tertakluk pada arahan bertulis daripada Pelanggan melalui e-mel ke csu@takaful-malaysia.com.my untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Pelanggan bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:
 - a. tujuan Promosi ini; dan
 - b. aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Pelanggan. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Pelanggan bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Promosi ini.

7. LAIN-LAIN

- i. Takaful Malaysia berhak untuk:
 - a. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi ini; dan
 - b. menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di www.takaful-malaysia.com.my atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Pelanggan mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini.
- ii. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Promosi) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi ini dan/atau penggunaan Rebat; dan sebarang keingkaran kewajibannya di bawah Promosi ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik/epidemik), atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.
- iii. T&S ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- iv. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketakbolehkuatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain T&S Promosi ini.

Nota: Sebelum mendaftar/menyertai produk Kaotim Car, sila rujuk risalah produk kami, helaian pendedahan produk dan sijil untuk butiran lanjut.